



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK RIDZUAN BIN HAMLI,
PENGUSAHA LABU SAYONG MENGENAI
LATAR BELAKANG BELIAU DALAM
MENGUSAHKAN
LABU SAYONG**

**NORIN'FATEHAH BINTI NORAFENDI
(2021100479)**

**NUR FARHANAH IZZATI BINTI ABDUL JALIL
(2021113129)**

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

SEMESTER MAC 2022 - OGOS 2022

ISI KANDUNGAN

	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
Nombor Roman	Abstrak Penghargaan Senarai Abreviasi Senarai Singkatan Rujukan kata	i-vii
1.0	Biodata Penemubual 1.1 Penemubual Pertama 1.2 Penemubual Kedua	1 2 3
2.0	Biodata Tokoh 2.1 Biodata Tokoh 2.2 Pengenalan kepada tokoh	4 5 6
3.0	Sejarah Lisan 3.1 Pengenalan 3.2 Objektif Sejarah Lisan 3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	7 8 9 10
4.0	Kajian Literatur 4.1 Topik 1 4.2 Topik 2	11 12 13-14
5.0	Transkrip Temu bual Bersama Tokoh	15-151
6.0	Log Temu bual	152-167
7.0	Ralat	168-169
8.0	Glosari	170-176
9.0	Indeks	177-181
10.0	Bibliografi	182-187
11.0	Lampiran 11.1 Biografi Tokoh 11.2 Senarai Soalan 11.3 Diari Penyelidikan 11.4 Gambar, Sijil, Dan Hal-Hal Berkaitan	188 189 190-194 195-198 199-202

ABSTRAK

Transkrip ini membincangkan mengenai latar belakang seorang pengusaha Labu Sayong yang terkenal dan berpengalaman di Kuala Kangsar, Perak. Transkrip ini ingin mengekspresikan pengalaman seorang pengusaha iaitu Encik Ridzuan Bin Hamli yang berasal dari Kampung Kepala Bendang, Kuala Kangsar. Oleh kerana ramai kalangan di generasi muda sekarang yang tidak mengetahui tentang keunikan Labu Sayong serta makin dipinggirkan oleh masyarakat. Lantaran itu, transkrip ini akan membincangkan tentang keunikan serta keistimewaan Labu Sayong agar tidak ditelan zaman. Serta mengetahui tentang asal - usul Labu Sayong di Malaysia, cara pembuatan Labu Sayong yang jarang diketahui oleh orang ramai dan tentang pendapat serta pandangan pengusaha tersendiri mengenai perusahaan Labu Sayong di Malaysia. Akan tetapi, ia bukan sahaja menyentuh mengenai Labu Sayong bahkan mengenai sedikit tentang latar belakang pengusaha serta sejarah bagaimana pengusaha memulakan perusahaannya dalam Labu Sayong. Selain itu, temu bual ini juga ingin mengekspresikan perasaan serta pandangannya sepanjang mengusahakan Labu Sayong, pengalaman pengusaha apabila menerima anugerah serta penghargaan. Kajian ini difokuskan kepada para pengkaji ataupun penyelidik, pelajar serta orang awam. Oleh yang demikian, kami berharap kajian yang dilakukan bersama-sama pengusaha Labu Sayong ini dapat memberi pencerahan kepada para pembaca terutama generasi muda mengenai keunikan serta keistimewaan Labu Sayong agar tidak ditelan zaman serta mengetahui cara pembuatannya.

Kata kunci : labu sayong, teknik pembuatan, acuan, debu, tanah liat, pasir, ayak

ABSTRACT

This transcript discusses the background of a well-known and experienced Labu Sayong entrepreneur in Kuala Kangsar, Perak. This transcript would like to express the experience of an entrepreneur, Encik Ridzuan Bin Hamli who hails from Kampung Kepala Bendang, Kuala Kangsar. Because many people in the younger generation now do not know about the uniqueness of Labu Sayong and are increasingly marginalized by society. Therefore, this transcript will study the uniqueness and specialty of Labu Sayong so that it will not be swallowed by time. As well as knowing about the origins of Labu Sayong in Malaysia, the way Labu Sayong is made which is rarely known by the public and about the opinions and opinions of the entrepreneurs themselves about the Labu Sayong company in Malaysia. However, it not only touches on Labu Sayong but also a little about the background of the entrepreneurs as well as the history of how the entrepreneurs started the company in Labu Sayong. Apart from that, you also want to express your feelings and views while working on Labu Sayong, the entrepreneur's experience when receiving awards and accolades. This study is focused on researchers, students and the general public. Therefore, we hope that the study conducted together with Labu Sayong entrepreneurs can provide enlightenment to readers, especially the younger generation about the uniqueness and specialty of Labu Sayong so that it is not swallowed by time and know how to make it.

Keywords : labu Sayong, manufacturing techniques, material mold, dust, clay, sand, sieve

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmaanirrahim

Assalamualaikum W.B.T

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kami menyiapkan dan menyempurnakan tugasan wawancara bagi kursus IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan bersama tokoh yang telah dipilih ini pada masa yang telah ditetapkan dengan penuh jayanya.

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Encik Ridzuan Bin Hamli kerana telah memberikan kerjasama sepenuhnya sebelum dan semasa melakukan sesi temu bual dengan meluangkan masa berkongsi pengalaman dan berkongsi kisah beliau sepanjang penglibatan beliau di dalam pengusahaan Labu Sayong.

Terima kasih diucapkan kepada pensyarah kami, Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin yang mengajar subjek IMR604 (Oral Documentation). Beliau seorang pensyarah yang bertanggungjawab dan sangat komited dalam membantu para pelajar menyiapkan tugasan. Beliau sangat membantu dalam memberikan penyelesaian tanda tanya para pelajar. Beliau juga telah memberikan garis panduan yang sangat lengkap untuk menyiapkan transkrip. Dengan bimbingan yang telah beliau bagi telah membantu kami para pelajar menyiapkan tugasan dengan mudah.

Akhir sekali, tidak lupa juga kepada rakan-rakan sekelas kerana telah membantu dan memberi tunjuk ajar serta pandangan kepada kami secara langsung dan tidak langsung bagi menyempurnakan tugasan ini. Segala bantuan anda amatlah kami hargai.

Sekian, terima kasih.

SENARAI ABREVIASI

SINGKATAN	MAKSUD
CCTV	Televisyen litar tertutup
KL	Kuala Lumpur
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
RTM	Radio Televisyen Malaysia
SIRIM	Standard and Industrial Research Institute of Malaysia (Syarikat organisasi penyelidikan dan teknologi yang melaksanakan penyelidikan)
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia